

13 OCT 1997

Isa-jajah

KESAN PENJAJAHAN BARU MELALUI EKONOMI LEBIH BURUK

BANDAR BARU SERTING, 13 Okt (Bernama) -- Menteri Besar, Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata kesan penjajahan cara baru yang menggunakan kuasa ekonomi adalah lebih buruk berbanding beberapa penjajahan jenis lain.

"Penjajahan moden ini menyebabkan negara ini tidak bebas merancang pembangunan ekonomi kerana terpaksa mengikut telunjuk mereka", katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar dan penyampaian surat perlantikan kepada 36 pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) daerah Jempol, di sini hari ini.

Menurut beliau, masalah ekonomi sekarang hanyalah bersifat sementara dan jika rakyat bersama-sama membantu ia akan dapat diatasi dengan lebih cepat.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir mengingatkan rakyat agar sentiasa berwaspada dengan penjajahan "bentuk baru" yang menggunakan kuasa ekonomi untuk "menekan" negara-negara membangun.

"Ingatan yang diberikan oleh Dr Mahathir itu perlu kita ambil perhatian kerana dengan sokongan padu rakyat, penganiayaan moden itu dapat dihalang", katanya.

Menteri Besar meminta ketua-ketua kampung agar menjadi "role model" kepada penduduk di kampung jika mahu kepimpinan mereka lebih berkesan.

Cara ini akan menjadikan anak-anak buah mereka lebih berkeyakinan terhadap kepimpinan mereka, untuk memajukan sesebuah kampung itu, katanya.

-- BERNAMA

RAB RI